

**SULIT**

---



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JFP312 - KEWANGAN KEUSAHAWANAN  
DAN MODAL TEROKA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

...2/-

**SULIT**

**SOALAN 1 (20 markah)**

- (a) Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan oleh firma modal teroka untuk mengembangkan perniagaan. Terangkan kelebihan melakukan tawaran awal awam berbanding pengambil alihan.

(15markah)

- (b) Berdasarkan struktur organisasi firma modal teroka, terangkan tugas utama dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh rakan kongsi am (*general partners*).

(5 markah)

**SOALAN 2 (20 markah)**

- (a) Bincangkan kelemahan kaedah kadar pulangan dalaman (*internal rate of return*) bagi mengukur prestasi sesebuah firma modal teroka.

(16markah)

- (b) Terangkan **DUA (2)** jenis ekuiti persendirian bagi firma modal teroka.

(4 markah)

**SOALAN 3 (20 markah)**

- (a) Fairchild Semiconductor telah memulakan operasi perniagaan berskala kecil pada tahun 1970. Kini firma ini mula memasuki fasa operasi berskala besar. Jelaskan perbezaan prinsip pengurusan yang diamalkan bagi kedua-dua skala tersebut.

(12markah)

- (b) Terangkan halangan utama yang dihadapi firma modal teroka di negara membangun untuk menjalankan perniagaan berasaskan teknologi.

(8 markah)

...3/-

**SOALAN 4 (20 markah)**

- (a) United Kingdom dan Amerika Syarikat mempunyai kitaran ekuiti persendirian yang sama walaupun ciri-ciri ekuiti modal teroka mereka berbeza. Secara ringkas, terangkan kitaran ekuiti persendirian bagi negara maju ini.

(14markah)

- (b) Jelaskan konsep permintaan dan penawaran modal bagi firma modal teroka.

(6 markah)

**SOALAN 5 (20 markah)**

- (a) Terangkan kelebihan saham keutamaan sebagai sumber modal kepada firma modal teroka.

(12markah)

- (b) Mengapakah terdapat pelabur individu yang kurang berminat untuk melabur dalam saham biasa berbanding saham keutamaan dalam firma modal teroka? Jelaskan.

(8 markah)